



SIARAN MEDIA

TASK FORCE PROJEK PERUMAHAN SWASTA DAN TERBENGKALAI SEBAGAI PENDEKATAN BERFOKUS DAN STRATEGIK DALAM MENANGANI ISU PROJEK PERUMAHAN SAKIT

SEPANG, 1 Mac 2023 – YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) hari ini mengadakan lawatan turun padang bagi melihat sendiri status terkini projek pembangunan kediaman Aspire Residence, di Cyberjaya.

Turut hadir ialah YB. Hajah Aiman Athirah binti Sabu, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat selaku Ahli Parlimen Sepang; YBhg. Dato' Haji Abd. Hamid bin Hussain, Yang Dipertua Majlis Daerah Sepang; Tuan Muhammad Razman bin Abu Samah, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan) KPKT dan En. Zahanuddin bin Kamarudin, Ketua Pengarah Pembangunan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB).

Menurut YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir, “Projek ini merupakan salah satu projek sakit yang menjadi perhatian Kementerian selain daripada projek perumahan swasta sakit dan lewat yang lain”.

Tambah beliau, “Susulan daripada penubuhan *Task Force* Projek Perumahan Swasta dan Terbengkalai pada 30 Disember 2022, sebanyak dua kali mesyuarat telah diadakan iaitu pada 5 Januari 2023 dan 16 Februari 2023. Objektif utama *task force* ini adalah untuk mencari pendekatan yang lebih berfokus dan strategik serta memberi impak positif dalam menyelesaikan isu projek sakit dan terbengkalai”.

Terms of Reference (TOR) Task Force Projek Perumahan Swasta dan Terbengkalai telah diperhalusi dengan memperkukuhkan empat (4) elemen iaitu:

i. *Track*

Tracking merujuk kepada mengenalpasti projek perumahan swasta di Semenanjung Malaysia dan dikategorikan kepada lancar, lewat dan sakit berdasarkan status semasa kemajuan projek di tapak.

ii. *Resolve*

Resolve measure merujuk kepada pemantauan projek perumahan swasta secara berkala melalui lawatan tapak untuk projek-projek perumahan swasta termasuk projek perumahan di bawah agensi Kerajaan seperti PR1MA, SPNB, PPAM dan Residensi Wilayah. Selain itu, intervensi KPKT bersama agensi-agensi negeri dan teknikal seperti TNB dan IWK akan turut dijalankan bagi mengatasi isu-isu berbangkit.

iii. *Preventive*

Langkah-langkah bersifat pencegahan atau *preventive* diambil bagi mencegah projek-projek perumahan swasta lancar untuk tidak berubah status kepada sakit atau lewat dan intervensi awal diambil berdasarkan pelaporan yang berkala melalui Housing Integrated Management System (HIMS).

iv. *Forward Modelling*

Forum hartanah swasta dilihat sebagai salah satu langkah *Forward Modelling* yang berkesan melalui penglibatan stakeholders penting dalam sektor perumahan di Malaysia termasuk Real Estate & Housing Developers Association (REHDA), National House Buyer Association (HBA), Association of Banks Malaysia (ABM), Association of Islamic Banking Institutions Malaysia (AIBIM), Abandoned Property Owners Malaysia (VICTIMS) atau Persatuan Pemilik Hartanah Terbengkalai Malaysia (PPHTM), Insolvency Practitioners Association of Malaysia (IPAM) dan Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl).

Selain itu, KPKT akan meningkatkan kesedaran masyarakat melalui aktiviti kempen kesedaran dan *public engagement* melalui sesi forum bersama bakal pembeli rumah. Meningkatkan slot siaran temu bual di televisyen dan radio, surat khabar dan media

sosial bagi kempen bijak beli rumah turut menjadi salah satu langkah pencegahan yang dilihat berkesan.

Sehingga 31 Disember 2022, sebanyak 384 projek perumahan swasta sakit iaitu 12.9% daripada 2,979 keseluruhan projek perumahan swasta berlesen. Manakala berdasarkan statistik sehingga 31 Januari 2023, sebanyak 437 projek perumahan swasta sakit daripada 3,138 projek perumahan swasta berlesen iaitu sebanyak 13.9%.

Walaupun terdapat peningkatan projek sakit secara keseluruhan, tetapi sebanyak 33 projek perumahan swasta sakit (3,045 unit rumah) telah berjaya diselesaikan sehingga menerima Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan atau *Certificate of Completion and Compliance* (CCC) dan sebanyak 3 projek sakit (674 unit) telah dipantau dengan rapi sehingga dikategorikan sebagai projek lancar. Ini merupakan pencapaian yang baik sejak penubuhan Task Force Projek Perumahan Swasta Sakit dan Terbengkalai.

Berdasarkan status semasa ini, projek perumahan swasta yang lewat dijangka akan terus meningkat sebanyak 188 projek menjadikan keseluruhan projek perumahan swasta lewat adalah sebanyak 354 projek. Manakala projek perumahan swasta sakit dijangka akan bertambah sebanyak 101 projek yang menjadikan keseluruhan projek sakit bagi tempoh sehingga 31 Disember 2023 adalah sebanyak 538 projek.

Tambah beliau, data projek perumahan lancar, lewat dan sakit merupakan data yang dinamik yang akan sentiasa berubah dari semasa ke semasa berdasarkan status semasa projek, situasi semasa ekonomi daripada pemulihan pasca pandemik COVID-19, pasaran industri perumahan secara keseluruhan serta intervensi yang akan dilaksanakan oleh pihak Kerajaan.

KPKT sentiasa peka dan komited memperkasa agenda perumahan serta kesejahteraan seluruh rakyat sebagaimana tujuh fokus utama yang telah digariskan oleh KPKT dan salah satunya adalah perancangan perumahan yang lebih komprehensif dan berdaya saing.

#PasukanKPKT
#StrongerTogether
#UnityInDiversity
#DemiPertiwi

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

